

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PELANCARAN MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA KEDUA (MAPEN II)

TEMPAT: DEWAN TUN HUSSEIN ONN PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 04 AUG 1999

MASA:

Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada semua yang hadir kerana dapat melapangkan masa untuk bersama-sama di upacara yang besar maknanya kepada negara ini. Majlis serupa ini pernah diadakan 10 tahun lalu. Majlis Perundingan Ekonomi Negara Pertama (MAPEN I) yang dilancarkan pada bulan Januari 1989 telah memberi banyak input dalam menggubal Dasar Pembangunan Nasional yang telah dilaksanakan di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua.

2. Proses perundingan antara wakil-wakil masyarakat pernah diadakan sebelum ini iaitu apabila Kerajaan di bawah pentadbiran MAGERAN menubuhkan Majlis Perundingan Negara pada bulan Januari 1970, bertujuan untuk mendapat konsensus masyarakat mengenai garis panduan kerjasama antara kaum dan integrasi sosial untuk membentuk identiti nasional Malaysia. Proses yang unik ini telah membantu Kerajaan mengenalpasti dasar masa depan negara untuk dilaksanakan dalam rancangan jangka panjang. Ini telah meyakinkan Kerajaan untuk meneruskan tradisi ini dan Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua atau MAPEN II akan memulakan tanggungjawabnya dengan cara yang sama.

Perancangan Pembangunan

3. Proses perancangan pembangunan negara telah melalui satu evolusi, bermula dengan Rancangan Malaya Pertama yang digubal dalam tahun 1956 iaitu sebelum negara mencapai kemerdekaan. Sejak itu kita telah melaksanakan sembilan rancangan lima tahun dan dua rancangan jangka panjang. Berbagai-bagai perubahan telah dilakukan daripada segi pendekatan dan kandungan untuk memantap dan menjadikan rancangan-rancangan ini sebagai alat yang boleh membantu kita melangkah ke hadapan.

4. Strategi perancangan telah beralih daripada semata-mata berasaskan kuasa pasaran kepada pendekatan 'hybrid' yang mengimbangi sistem perancangan dengan sistem kuasa pasaran. Kepentingan persendirian atau 'private interest' telah disepadukan dengan wawasan awam atau 'public vision' dalam usaha ke arah perancangan berasaskan masyarakat atau 'society-based

planning'. Teras utama adalah untuk mengisi aspirasi masyarakat sejajar dengan agenda nasional iaitu memajukan negara serta mengekal dan memperkuat lagi perpaduan kaum.

5. Melalui dialog dengan berbagai-bagai lapisan masyarakat, sesuatu yang menjadi amalan Kerajaan ini, dasar nasional telah ditetapkan dan diubahsuai mengikut keperluan. Kerajaan sentiasa mengamalkan sikap terbuka dan sedia menimbangkan cadangan yang membina demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat. Sesungguhnya, pendekatan melalui rancangan jangka panjang untuk menggariskan arahnya pembangunan negara telah menentukan kemajuan negara tidak lari daripada asas dan matlamat asal yang ditetapkan.

Dasar Ekonomi Baru

6. Di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1) kita telah melaksanakan Dasar Ekonomi Baru atau ringkasnya DEB yang meliputi tempoh 1971-1990. Kita telah mencapai pembangunan sosio-ekonomi yang pesat walaupun kita memberi perhatian serius terhadap reformasi sosial dan ekonomi melalui strategi serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan di kalangan semua kaum dan menyusun semula masyarakat bagi menghapuskan identifikasi kaum dengan fungsi ekonomi supaya perpaduan kaum dapat diperkukuhkan. DEB merupakan titik permulaan proses 'social engineering' yang kita laksanakan bagi menangani masalah ketidakseimbangan kedudukan kaum dalam masyarakat majmuk Malaysia.

7. Sungguhpun kita sering dikritik mengenai pelaksanaan DEB yang kononnya menguntungkan hanya segelintir Bumiputera, kita telah meneruskan juga rancangan kita sehingga ia mencapai kejayaan yang dapat dirasai oleh rakyat keseluruhannya. Sebenarnya bukan segelintir tetapi semua Bumiputera menikmati hasil pelaksanaan DEB, mengikut kebolehan dan bakat mereka. Demikian juga semua mereka diberi pelajaran asas dan yang berbakat serta rajin mendapat biasiswa dan peluang untuk belajar ke institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negeri. Permodalan Nasional Berhad ditubuh untuk membolehkan lebih tujuh juta Bumiputera memiliki saham dalam perniagaan dan perusahaan besar. Latihan berniaga, lesen, modal dan tempat disediakan bagi mereka yang berkebolehan dan serius untuk menyertai bidang ini.

8. Bagi Bumiputera yang betul-betul berkebolehan dan sudah mencapai kejayaan, peluang diberi melalui penswastaan supaya perniagaan dan perusahaan yang besar boleh dimiliki dan diurus oleh mereka sendiri. Ini menjadi agenda yang penting kerana DEB tidak akan dianggap berjaya jikaimbangan antara kaum terhadap kepada kegiatan kecil-kecilan dengan pendapatan yang rendah. Walaupun seperti biasa ada pihak yang cuba

mengapikan kebencian kepada korporat Bumiputera yang berjaya dan kaya-raya, tetapi kemarahan Bumiputera akan lebih tinggi jika yang kaya-raya, yang tinggal dalam mahligai, yang berkereta Mercedes dan memiliki pesawat terbang sendiri hanyalah bukan Bumiputera. Kemarahan orang tertentu kepada Bumiputera yang kaya adalah disebabkan oleh politik dan perasaan irihati biasa kepada Bumiputera yang lebih berjaya daripada diri mereka sendiri. Perasaan ini pula diapi-apikan oleh orang asing yang melihat dasar menolong Bumiputera sebagai halangan terhadap mereka untuk meraih keuntungan besar dengan memiliki syarikat-syarikat gergasi di Malaysia melalui proses penswastaan.

9. DEB yang berteraskan pertumbuhan dengan ekuiti atau 'growth with equity' tidak menghalang pertumbuhan ekonomi seperti yang sering berlaku apabila percubaan dibuat untuk mengagih kekayaan negara secara yang lebih adil dan saksama. Harus diingat bahawa ideologi Komunis dan Sosialis juga bertujuan mengagih kekayaan negara dengan sama rata. Tetapi setelah mengamal ideologi-ideologi ini selama 70 tahun, negara-negara berkenaan terpaksa menggugurkan pendekatan ini kerana pembangunan ekonomi terjejas dengan teruknya. Demikian juga apabila sebuah negara maju mencuba 'affirmative action' supaya mereka yang kurang upaya dalam masyarakat diberi sedikit pertolongan, tentangan hebat dibuat oleh mereka yang mempunyai kelebihan tertentu sehingga 'affirmative action' tersebut terpaksa dihentikan dan puak yang lemah terus menderita dan miskin. Tetapi DEB disokong oleh semua lapisan kaum dan dengan itu berjaya mengurangkan jurang perpisahan antara kaum daripada segi sosial dan ekonomi. Betapa jaya dan baiknya DEB dapat dilihat semasa kegawatan ekonomi baru-baru ini. Tidak ada perpecahan dalam perpaduan rakyat kita dan tidak ada rusuhan kaum yang berlaku seperti yang terjadi di negara di mana tidak ada agihan saksama antara kaum.

Dasar Pembangunan Nasional

10. Masa yang diberi kepada DEB untuk mencapai matlamatnya hanyalah 20 tahun. Oleh kerana matlamat DEB tidak tercapai sepenuhnya, usaha menghapuskan kemiskinan di kalangan semua kaum dan penghapusan identifikasi kaum dengan fungsi ekonomi diteruskan secara 'modified' dalam Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang meliputi tempoh 1991-2000. Walaupun kemiskinan di kalangan semua kaum dapat dikurangkan lagi, imbangian pembangunan tidak juga dapat dicapai sepenuhnya. Kaum Bumiputera masih terkebelakang, kerana sikap dan budaya mereka masih tidak sesuai dengan kemajuan diri. Ramai yang mensia-siakan peluang yang diberi atau menyalahgunakannya.

11. Lebih malang lagi ialah serangan oleh pemodal asing yang mencetuskan kegawatan ekonomi dan kewangan

dalam negara. Disebabkan kejatuhan nilai Ringgit dan harga saham syarikat-syarikat, banyak daripada syarikat-syarikat mengalami kerugian yang teruk dan menanggung hutang yang tidak dapat dibayar. Syarikat Bumiputera yang baru saja muncul dan mempunyai banyak kelemahan adalah yang terbanyak sekali menghadapi kemungkinan menjadi muflis. Syarikat mereka terpaksa dijual kepada orang asing atau bukan Bumiputera atau terpaksa ditutup. Dengan itu imbalan ekonomi di antara kaum merosot semula. Peratusan susutan prestasi belum dapat dipastikan lagi.

12. Tentulah jelas bahawa satu daripada matlamat MAPEN II ialah untuk memulihkan semula dan memajukan matlamat mengimbangkan kedudukan ekonomi antara kaum. Semasa kita melaksanakan DEB kita tidak mempunyai pengalaman dalam penyusunan semula masyarakat atau 'affirmative action'. Kita telah mencuba apa sahaja yang kita fikir boleh memajukan Bumiputera supaya mereka dapat mengejar kaum lain. Kita tidak begitu mengambilkira kemampuan mereka yang diberi peluang atau menyediakan mereka untuk peranan yang akan dimainkan oleh mereka melalui latihan dan pendedahan kepada pengalaman. Dengan itu banyak daripada usaha kita gagal dan berlaku pembaziran. Walaupun ada juga kejayaan tetapi ianya tidaklah setimpal dengan pelaburan yang kita buat.

13. Dalam melaksanakan DPN, kita lebih prihatin. Pemilihan Bumiputera dibuat dengan lebih teliti dan berhati-hati. Hanya yang mempunyai rekod yang baik sahaja yang diberi peluang dan bantuan. Yang berbakat diberi latihan dan pendedahan secara beransur-ansur. Pendekatan yang lebih berhati-hati ini lebih berjaya. Jika dahulu perniagaan dan perusahaan yang besar tidak sama sekali mempunyai penyertaan Bumiputera, kini dalam tempoh DPN beberapa orang Bumiputera telah muncul dan menunjukkan kemampuan yang mengagumkan. Walaupun kemunculan Bumiputera ini tidak disenangi oleh mereka yang tidak berjaya, tetapi hakikatnya mereka yang muncul dan berjaya ini dapat mengurangkan keadaan ketidakseimbangan di antara kaum di peringkat tinggi.

14. Kali ini cabaran yang dihadapi oleh MAPEN II adalah lebih besar. Ekonomi negara telah merosot. Dengan itu pendekatan yang bergantung kepada pembesaran ke ekonomi sebelum agihan dibuat menjadi lebih sukar. Namun kita masih perlu menentukan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan ini tidaklah semudah dahulu. Ramai daripada Bumiputera yang berbakat sudah tersungkur kerana beberapa sebab. Apakah dapat kita mengenalpasti bakat baru yang berwibawa yang boleh diberi peluang dan tanggungjawab?

15. Perniagaan dan perusahaan menjadi lebih rumit kerana kawalan lebih ketat yang perlu dibuat oleh Kerajaan. Di masa yang sama Kerajaan perlu menumpu kepada pemulihan ekonomi supaya pertumbuhan yang tinggi

dicapai. Persaingan antara peniaga dan antara kaum serta dengan orang asing akan menjadi lebih hebat. Pembukaan pasaran perlu dibuat mengikut AFTA dan juga WTO. Dan kita tidak boleh lupa bahawa Wawasan 2020 masih menjadi matlamat kita.

Wawasan 2020

16. Untuk menjadikan Wawasan 2020 satu kenyataan, usaha yang lebih gigih dan pertumbuhan yang lebih tinggi perlu dicapai. Mengikut perkiraan, pertumbuhan tujuh peratus setahun akan menaikkan GDP atau KDNK kita sebanyak lapan kali ganda jika diasaskan kepada prestasi kita pada tahun 1990. Setiap 10 tahun kita akan lipatkan GDP kita sekali ganda. Sebenarnya sebelum kegawatan pada tahun 1997, pendapatan per kapita kita ialah kira-kira 4500 Dolar Amerika kerana pertumbuhan kita adalah lebih tinggi daripada tujuh peratus yang diperlukan.

17. Walaupun pendapatan kita dalam matawang Ringgit tidak banyak turun tetapi oleh kerana nilai Ringgit sekarang lebih rendah, iaitu RM3.80 bagi satu Dolar Amerika, berbanding dengan RM2.50 bagi satu Dolar Amerika dahulu, maka pendapatan per kapita kita dalam matawang Amerika tentulah berkurangan. Tetapi oleh kerana pendapatan per kapita kita melebihi sasaran 4000 Dolar Amerika pada dekad pertama tahun 2000, maka kemajuan negara ke arah Wawasan 2020 tidaklah begitu terjejas. Sekarang kita masih memerlukan pertumbuhan sebanyak tujuh peratus setahun sehingga tahun 2020 untuk mencapai matlamat GDP yang lapan kali ganda GDP tahun 1990.

18. Pengalaman kita dalam menangani kegawatan ekonomi dan resesi akibat jatuhnya nilai Ringgit dan harga saham boleh menolong kita dalam usaha membangunkan semula ekonomi kita ke arah Wawasan 2020. Kegawatan telah mendedahkan banyak kelemahan dalam pengurusan ekonomi kita.

19. Umpamanya kita mendapati jentera Kerajaan tidak dapat membelanjakan peruntukan pembangunan secara efisien. Tiap tahun sebahagian besar daripada peruntukan tidak dibelanjakan. Ini mempunyai kesan negatif terhadap ratusan perniagaan dan industri yang terlibat dengan projek-projek Kerajaan, dan menjejaskan sumbangan Kerajaan kepada pertumbuhan ekonomi.

20. Pemantauan perbelanjaan pembangunan untuk menentukan peruntukan dibelanja mengikut jadual telah meningkatkan prestasi pembangunan sumbangan Kerajaan. Dan ini menjadi pemangkin kepada banyak kegiatan ekonomi negara.

21. Sektor swasta juga diberi perhatian yang rapi oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara atau MTEN daripada segi

kemajuan mereka. Segala halangan dan kelambatan yang disebabkan oleh kerena birokrasi dan bank diatasi melalui campurtangan Kerajaan, terutama Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti dan institusi-institusi lain.

22. Maklumat secara terperinci berkenaan prestasi semua kegiatan ekonomi dikumpul dan disemak oleh Exco MTEN tiap-tiap hari. Jika didapati prestasi mana-mana sektor tidak baik atau tidak memuaskan, penyelidikan dibuat dan setelah menentukan sebab-sebab prestasi kurang baik, tindakan diambil. Demikian apabila penjualan hartanah tidak laris, Kerajaan dengan kerjasama sektor swasta mengadakan bulan pemilikan harta di waktu mana segala kemudahan disediakan, harga diturunkan dan cukai berkenaan dihapuskan supaya penjualan menjadi laris. Demikian juga apabila jualan runcit kurang memuaskan, cukai keatas barangan tertentu dimansuhkan, pendapatan kakitangan Kerajaan ditambah dan bulan membelibelah diadakan.

23. Banyak lagi tindakan diambil untuk menggerak dan mempergiatkan aktiviti ekonomi bagi menghalang kuncupan dan membolehkan pertumbuhan dicapai sehingga ekonomi negara pulih.

24. Cara kita menangani kegawatan ekonomi dan pemulihannya boleh diguna semasa menjayakan MAPEN II. Bidang-bidang baru yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi mestilah dikenalpasti dan diterokai. Teknologi maklumat umpamanya boleh diguna untuk pembangunan industri baru yang berasaskan kepadanya. Koridor Raya Multimedia atau MSC mempunyai potensi yang besar dan latihan dalam bidang ini perlu dipergiatkan. Industri yang berasas kepada bahan komposit yang semakin banyak digunakan untuk otomobil dan pesawat terbang boleh juga memberi sumbangan kepada industri pembuatan.

25. Bidang pertanian telah mendapat perhatian yang kurang semasa kita membangunkan industri pembuatan. Pertanian tertumpu kepada pembangunan estet getah, kelapa sawit dan koko sahaja. Sektor-sektor pertanian lain tidak mendapat perhatian yang sewajarnya.

26. Kita tahu bahawa import makanan negara adalah 'item' yang terbesar yang menyebabkan pengaliran keluar tukaran asing. Ia juga menyebabkan kos sara hidup kita naik kerana barangan import naik harga sepanjang masa. Sebaliknya pendapatan daripada keluaran sayur-sayuran, buah-buahan dan bunga-bunga jauh lebih tinggi daripada hasil pendapatan daripada getah atau kelapa sawit atau koko.

27. Kita memiliki kecekapan yang terkenal dalam bidang pengurusan estet besar-besaran. Sebab itu kita amat berjaya memajukan getah, kelapa sawit dan koko; jenis-jenis tanaman yang bukan asli bagi negara kita. Oleh

itu jika kita memasuki bidang pertanian yang lain secara besar-besaran dengan mengadakan estet, maka kita pasti boleh memajukan lagi industri pertanian bukan sahaja untuk mengurangkan import makanan tetapi juga mengeksport lebih daripada keluaran yang diperlukan dalam negara.

28. Pekebun kecil tidak akan rugi jika estet sayur-sayuran dan buah-buahan diadakan kerana seperti juga dengan kelapa sawit, estet boleh membeli produk pekebun kecil untuk digred, diproses dan dipasarkan. Kilang di mana hasil pertanian boleh digred dan diproses boleh didirikan oleh estet, yang mana boleh dibekalkan juga oleh pekebun kecil. Oleh kerana keluaran pertanian bermusim maka keluaran berlebihan semasa musim boleh diproses untuk jualan di luar musim. Dengan cara ini pekebun kecil dapat menjual keluaran mereka dengan harga yang berpatutan semasa musim dan luar musim.

29. Nelayan, terutama yang di Pantai Timur, adalah antara kumpulan yang termiskin dalam negara. Bilangan mereka semakin berkurangan kerana anak-anak nelayan mendapat pelajaran dan tidak lagi mahu menjadi nelayan. Tetapi negara memerlukan lebih banyak ikan segar kerana bilangan penduduk bertambah. Adalah penting usaha dibuat untuk menaikkan pendapatan nelayan dan tangkapan ikan supaya permintaan untuk ikan segar dapat dipenuhi tanpa mengekalkan kemiskinan nelayan.

30. Untuk ini cara-cara baru menangkap dan menternak semua jenis ikan hendaklah diperkenalkan. Nelayan baru hendaklah terdiri daripada mereka yang terlatih dan sanggup mengguna peralatan dan cara baru yang boleh meningkatkan pengeluaran ikan segar serta menaikkan pendapatan nelayan baru dan lama dengan lebih tinggi.

Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

31. Penyelidikan dan pembangunan amatlah penting dalam meningkatkan ekonomi negara. Masalah besar yang dihadapi ialah kurangnya keyakinan terhadap ide, pendekatan dan produk baru yang tidak datang daripada negara maju. Umumnya pengusaha dan pengguna tidak sanggup menerima pendekatan dan barangan hasil ciptaan rakyat negara sendiri. Dengan itu R&D tidak menarik minat dan kurang berhasil.

32. Sikap ini perlu diubah. Pengusaha dan pengguna hendaklah sanggup menerima ciptaan rakyat Malaysia.

33. Oleh kerana hampir semua barangan dicipta di negara yang mempunyai iklim sederhana atau 'temperate climate' dengan 'humidity' yang rendah, kebanyakan daripada barangan ini kurang sesuai dalam iklim tropika Malaysia yang panas, 'humidity' yang tinggi dan hujan yang lebat. Barangan ciptaan Eropah dan Jepun juga

tidak mengambilkira budaya dan agama penduduk tempatan.

34. Demikianlah dengan pertanian dan tangkapan serta ternakan ikan. Kajian dan pendekatan baru hendaklah dicari supaya hasil keluaran kita akan meningkat. Ternakan ikan air masin perlu diselidik dan disesuaikan dengan keadaan memandangkan permintaan ikan segar akan meningkat sedangkan bilangan nelayan akan berkurangan.

35. Alaf yang akan datang ini akan membawa lebih banyak perubahan. Komitmen yang dibuat oleh masyarakat sejagat di bawah berbagai-bagai perjanjian akan menjadikan globalisasi sebagai satu realiti. Arus ini tidak dapat dielak memandangkan pergerakan perdagangan, modal, pekerja, teknologi dan maklumat semakin tidak mengenal sempadan kerana kemajuan sains dan komunikasi. Ia akan membawa cabaran dalam semua aspek kehidupan kita, baik di bidang ekonomi, sosial, pendidikan, perniagaan, perindustrian, perdagangan dan lain-lain. Ini bermakna kita perlu menggubal strategi yang berbeza dari yang pernah dibuat dahulu untuk membolehkan negara menghadapi arus globalisasi dan liberalisasi.

36. Sebenarnya kita telahpun memulakan usaha ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebahagian daripada masyarakat global. Kita telah meletakkan matlamat untuk menjadi pusat serantau atau 'regional hub' dalam pelbagai bidang seperti pengangkutan udara dan laut, pelajaran, kesihatan, pelancongan serta teknologi maklumat dan multimedia. Berbagai-bagai usaha telah dimulakan tetapi banyak lagi yang perlu dilakukan untuk menjadikan negara ini sama maju dengan negara-negara lain. Oleh itu saya berharap di samping melihat isu di peringkat makro, ahli-ahli MAPEN akan juga dapat meneliti di peringkat mikro untuk menajamkan strategi yang ada agar pusat serantau ini bukan sahaja dapat dibentuk tetapi kualitinya adalah tinggi atau 'world class'. Inilah warisan yang perlu dibangunkan supaya negara dapat sentiasa maju ke hadapan dan menjadi pusat berkelas dunia untuk pelbagai aktiviti dan kecemerlangan.

37. Sehubungan dengan ini kita perlu membangunkan usahawan yang juga berkelas dunia. Kalau dahulunya strategi DEB dan DPN tertumpu kepada mewujudkan usahawan tempatan Bumiputera sekarang kita perlu memikirkan bagaimana mewujudkan usahawan Malaysia termasuk Bumiputera yang berkelas dunia. Pengalaman juga telah mengajar kita bahawa usahawan daripada semua kaum perlu saling sokong-menyokong untuk berjaya dalam dunia global. Dalam kegawatan yang baru berlaku kita dapati bukan sahaja usahawan Bumiputera terjejas malah juga usahawan bukan Bumiputera. Ini bermakna usahawan bukan Bumiputera juga rapuh atau 'fragile' dan perlu diperkukuhkan. Usahawan Bumiputera dan bukan Bumiputera perlu bergandingan bahu dan bekerjasama demi memantapkan keupayaan menghadapi cabaran global.

Jika kita bersatu kita akan mampu mewujudkan usahawan Malaysia yang teguh, mampu bersaing dan tahan diuji.

38. Dalam era liberalisasi, kita perlu meningkatkan lagi daya saing negara. Ini dapat diukur daripada segi peningkatan bahagian pasaran atau 'market share' yang kita perolehi. Untuk mencapai tujuan ini kita memerlukan produk yang kompetitif. Usaha ini memerlukan peningkatan produktiviti negara melalui pembangunan tenaga manusia daripada segi kecekapan.

39. Sebagai sebuah negara yang muda dengan umur median rakyat hanya 23 tahun, masa depan negara bergantung kepada bagaimana kita menyediakan generasi muda untuk mengambilalih tanggungjawab membina negara. Kita telah membuktikan anak muda kita mudah dilatih dan lebih produktif jika mereka disemai dengan sifat-sifat kerajinan, ketekunan dan disiplin diri. Satu daripada agenda penting adalah untuk memupuk budaya kecemerlangan di kalangan rakyat kita.

40. Perolehan teknologi adalah penting. Tetapi yang lebih utama adalah mencapai kecanggihan sezaman. Untuk ini kita perlu menguasai sepenuhnya kecekapan dalam membuat pembaharuan dan inovasi kita sendiri. Tidak ada negara yang maju jika ianya miskin daripada segi keupayaan teknologi tinggi.

41. Sesungguhnya banyak yang perlu kita lakukan untuk pembangunan ekonomi negara ke arah status negara maju. Tetapi kemajuan ekonomi tidak bermakna jika kualiti dan budaya kita tidak dapat membangunkan satu tamadun yang tinggi dan mulia. Dalam hal ini, saya harap ahli-ahli MAPEN akan juga melihat kepada soal moral dan kerohanian kerana kita ingin melahirkan negara maju yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya dengan pegangan teguh kepada nilai keagamaan dan kerohanian murni serta berpekerti luhur.

42. Saya tidak berniat untuk memperincikan dasar dan strategi yang harus kita laksanakan dalam alaf akan datang. Terpulanglah kepada ahli-ahli MAPEN untuk merangka dan membuat perakuan agar kita dapat mencapai Wawasan 2020 dan dapat mengatasi sembilan cabaran yang telah kita gariskan dahulu.

Pembentukan MAPEN II

43. Sesungguhnya tugas ahli-ahli Majlis ini amatlah berat kerana Majlis ini ditubuhkan bertujuan untuk mengadakan perundingan antara semua pihak yang mempunyai hak atas negara ini demi menentukan arahnya masa depannya. Ia bukanlah bermaksud untuk mencapai faedah politik seperti yang disangka oleh beberapa pihak yang menolak jemputan Kerajaan untuk turut serta memberi sumbangan. Tempoh hayat Rancangan Jangka

Panjang yang hendak digubal itu sendiri menolak prasangka tersebut. Tempoh 10 tahun atau 20 tahun yang diliputi adalah satu jangka masa yang melebihi dari satu tempoh pemerintahan sesuatu parti politik yang memenangi pilihanraya. Keahlian Majlis ini yang tidak mengenal bulu juga membuktikan Majlis ini bukanlah condong kepada agenda politik. Pemilihan dibuat dengan hasrat supaya semua pihak dalam masyarakat Malaysia diwakili, agar teras dan arahnya yang dicadangkan nanti adalah hasil buah fikiran bernas daripada semua cerdik pandai negara ini, dengan nafas baru dan telah mengambilkira semua sudut dan aspek yang penting.

44. Inilah peluang yang sepatutnya disambut dengan hati yang terbuka. Sesiapa sahaja yang sayangkan negara seharusnya mengenyahkan kepentingan sendiri termasuk kefahaman politiknya. Ini bukanlah gelanggannya. Seseorang yang bijak patut dapat menimbang sesuatu langkah dan tahu menyesuaikan diri dengan keperluan semasa. Di gelanggang pertarungan kita menyingsing lengan tetapi di majlis bermusyawarah kita bertemu sila. Kita perlu bermuafakat apabila kepentingan negara menjadi pokok persoalan. Seperti kata pepatah 'bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat; yang ringan sama dijinjing, yang berat sama dipikul'. Lebih-lebih lagi membincangkan masa depan negara adalah satu perkara yang tidak mudah kerana keadaan sekitar kita tidak boleh ditentukan oleh kita. Tindakan orang lain dan perkembangan teknologi boleh menjejaskan rancangan kita. Namun kita tidak boleh hanyut dengan arus sahaja tanpa mengenalpasti destinasi dan pendekatan kita. Generasi akan datang akan mengutuk kita jika kita hanya memikirkan tentang masa dan zaman kita sahaja dan tidak membina asas untuk kemajuan mereka yang menjadi pewaris kita. Sesungguhnya kita bertanggungjawab terhadap mereka yang akan menyambung pembangunan yang kita telah usahakan.

45. Sebenarnya Kerajaan berupaya untuk membentuk dasar baru. Kerajaan boleh memilih untuk menggubalnya secara sendiri tanpa berunding dengan mana-mana pihak lain. Tetapi itu bukanlah cara Kerajaan yang ada. Kerajaan ini ingin memberi peluang kepada semua pihak untuk memberi sumbangan dalam menentukan masa depan negara kerana Kerajaan percaya semua lapisan masyarakat mempunyai hak. Mudah-mudahan dengan sumbangan tersebut kita dapat membina satu bangsa dan satu negara yang gemilang, yang dihormati dan dikenali oleh dunia. Mereka yang berani, berjiwa besar dan berwawasan tentu akan menyahut cabaran ini. Sebaliknya, yang berfikiran sempit akan lari dan hanya bertempik di belakang dan berlindung di sebalik lalang sehelai. Adakah itu akan mendatangkan apa-apa faedah atau akan membawa apa-apa perubahan?

46. Majlis ini menyediakan forum untuk ahli-ahlinya

bertukar fikiran dan pendapat. Sekiranya ada cadangan untuk membuat perubahan atau reformasi, inilah masa dan tempatnya untuk ide-ide itu diketengahkan supaya dapat dibahas, dipertimbang dan dihalusi oleh semua pihak. Tidak guna jika ada ide tetapi dilaung-laungkan di tempat-tempat yang tidak sesuai -- di jalan-jalan, di kedai kopi, di tempat beribadah atau di rumah sakit. Cara sedemikian tidak memberi manfaat kerana kualiti ide itu sendiri tidak dapat diuji, tidak diperdebatkan secara rasional atau dibahaskan untuk penerimaan oleh semua lapisan masyarakat. Saya yakin ide-ide yang bernas dan tahan diuji akan diterima oleh Majlis kerana ahli-ahli Majlis sendiri bukanlah calang-calang orang. Mereka telah diberi mandat untuk menggubal arahnya, teras dan dasar baru untuk membawa kita ke alaf baru yang penuh cabaran. Liku perjuangan kita masih jauh dan jalan yang ingin dirintis bukanlah dialas bunga-bunga. Ianya dipenuhi ranjau dan duri. Kita perlu penuh bersedia untuk mara dan sampai ke hujungnya sebagai wira dengan kejayaan sejati.

47. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli yang telah dipilih untuk menganggotai MAPEN II serta merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian mereka menerima jemputan Kerajaan. Seramai 155 ahli telah dilantik dan kesudian tuan-tuan dan puan-puan menganggotai Majlis ini membuktikan keprihatinan serta rasa tanggungjawab tuan-tuan dan puan-puan ke atas nasib masa depan bangsa dan negara kita terutama sekali di dalam alaf baru.

48. Saya juga dengan sukacitanya ingin mengumumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju supaya Y.Bhg Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid dilantik sebagai Pengerusi MAPEN II. Saya yakin dengan pengalaman beliau yang luas dan pengetahuan yang mendalam beliau akan dapat melaksanakan tanggungjawab ini dengan berkesan.

49. Saya berharap ahli-ahli MAPEN dapat membuat syor yang bernas dan 'futuristic' yang terus relevan sepanjang tempoh pelaksanaan dasar baru. Kita tidak dapat menyisihkan diri daripada perubahan semasa dan cabaran masa hadapan. Kita harus mengambil langkah-langkah yang lebih agresif dan strategik untuk mencapai hasrat pembangunan negara dalam konteks globalisasi. Kita perlu mewujudkan satu 'mindset' yang sanggup menerokai dan memperluaskan kemampuan kita keluar daripada paradigma yang sedia ada. Sikap sedemikian akan memberanikan kita memasuki bidang-bidang yang dahulu dianggap sebagai di luar kemampuan kita.

Penutup

50. Hasrat Kerajaan menubuhkan MAPEN II ini adalah untuk memberi peluang kepada masyarakat memainkan peranan dengan lebih bermakna dalam menentukan masa depan dan nasib negara. Saya harap matlamat mengadakan

MAPEN II ini akan tercapai. Di masa yang sama Wawasan 2020 juga akan tercapai.

51. Sekali lagi, bagi pihak Kerajaan, saya mengucapkan terima kasih kepada semua ahli MAPEN II kerana sudi menerima jemputan Kerajaan. Saya harap, perbincangan Majlis ini akan berjalan lancar dan menghasilkan ide-ide bernas serta membawa kejayaan dalam usaha kita bersama-sama membentuk masa depan negara.

52. Dengan ini, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim dengan sukacitanya melancarkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua dengan rasminya.